

UMK JADI RAKAN USAHASAMA KOLEJ POLYTECH MARA



KOTA BHARU 17 Mac - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Kolej Polytech Mara (KPTM) kini menjadi rakan usahasama dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) untuk memperkuatkukuhkan lagi konsep dan pelan tindakan kedua-dua pihak bagi melahirkan modal insan yang berkualiti.

Majlis MoU itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Rose dan Presiden KPTM, YBhg. Dato' Hj. Yussof bin Harun, pada satu majlis yang berlangsung di bilik Mesyuarat Perdana, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pada 17 Mac 2013.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Abd. Latiff.

Turut hadir, Penolong Naib Canselor, YBhg. Prof. Kamal bin Harun, Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Timbalan Presiden (Akademik) KPTM, YBrs. En. Ismail bin Hj. Junuh dan Pengarah KPTM Kelantan, YBhg. En. Mohamed Saifuddin bin Hussin.



Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, kerjasama ini akan memberi penekanan terhadap program kerjasama seperti penyelidikan, penawaran program bersama, kerjasama penerbitan hasil penyelidikan serta merangkumi kerjasama penganjuran bengkel, simposium dan lain-lain aktiviti akademik.

Beliau berkata, dalam proses transformasi negara kita memerlukan tenaga-tenaga pakar sama ada tenaga pakar ini dapat dilahirkan daripada institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta. Perkara yang paling mustahak sebagai sebuah negara maju ialah dapat membekalkan tenaga kerja masa depan yang mencukupi dalam semua aspek keilmuan.

"Dalam kerangka negara maju kita perlu ada sekurang-kurangnya 40 peratus tenaga mahir yang memiliki ijazah. Melalui kerjasama ini kedua-dua pihak dapat melaksanakan pertukaran tenaga-tenaga pengajar, perkongsian, penyelidikan dan program-program dari semasa ke semasa," katanya.

Tambah beliau, kepercayaan dan keyakinan penuh yang diberikan oleh pelbagai pihak terhadap pencapaian UMK dalam bidang keusahawanan membuktikan bahawa misi UMK untuk menjadi pelopor dan rujukan kalangan instititusi pengajian tinggi di dalam negara kini telah berjaya direalisasikan.

Beliau memberitahu bahawa UMK telah mengadakan beberapa siri kerjasama akademik dengan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa dan dalam negara.

“Menerusi majlis MoU itu, UMK sentiasa bersedia bekerjasama dengan KPTM membabitkan skop memorandum yang telah dikenalpasti dan dipersetujui. Namun, kerjasama ini boleh terus diperluaskan lagi dan tidak boleh terlalu mengikut skop yang ditetapkan,” katanya.

Sementara itu, Dato’ Hj. Yusoff dalam ucapannya memberitahu bahawa walaupun KPTM sebagai kolej swasta namun setiap program yang ditawarkan kepada graduannya juga mempunyai kualiti dan mengikut piawaian.

“Selain itu juga, kita juga memberikan peluang kepada pelajar yang mahu melanjutkan pelajaran dan kita boleh bagi mereka peluang kedua untuk belajar. Pada masa yang sama dapat melahirkan usahawan menerusi peluang kerjasama bersama KPTM dengan UMK,” katanya.



Oleh : Siti Nor Aishah bt Muhamad / **Foto :** Azam Razi / **Hebahan :** berita@umk.edu.my